

TARIKH : 4 OGOS 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35

Kenaikan kadar faedah AS tidak lagi beri kesan besar kepada negara

Kenaikan kadar faedah AS tidak lagi beri kesan besar kepada negara

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
farahin.hussin@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Keputusan Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) menaikkan lagi kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 5.50 peratus minggu lalu tidak memberi kesan besar seperti dahulu terutama kepada pasaran modal dan ekonomi dunia.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, dengan menaikkan kadar faedah berterusan, Fed menjangkakan aktiviti seperti pinjaman dan pelaburan akan menjadi lebih mahal, justeru akan mengurangkan permintaan terhadap barangan, perkhidmatan dan keperluan tenaga buruhnya.

Ujarnya, walaupun dolar AS kembali mengukuh dengan in-

dek DXY yang mengukur kekuatannya berbanding enam mata wang utama lain kepada 101.94 semasa, tetapi masih jauh daripada purata dahulu iaitu di sekitar 103 ke 104 pada Jun ataupun pada 112/113 pada Oktober 2022.

"Malah, pasaran ekuiti dunia terutama di New York, Chicago meningkat dan terus mengukuh, ia juga melimpah kepada pasaran ekuiti global termasuk Bursa Malaysia.

"Semenjak minggu lepas, pasaran ekuiti negara menerima aliran pelaburan asing secara berterusan yang terus mendorong indeks utama Bursa Malaysia melepasi 1,400 mata, iaitu yang pernah dicapai pada Mei yang lalu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau menjelaskan, banyak saham Malaysia terutama kewangan, tenaga, teknologi dan telekomunikasi berada pada harga yang rendah beberapa bulan, seterusnya menarik ramai pengurus dana asing untuk memasuki dan membeli saham syarikat tempatan pada harga yang menarik.

"Namun, turun naik indeks komposit bursa kebelakangan ini lebih didorong kepada ak-

tiviti pengambilan untung," ujarnya.

Walaupun Fed AS dijangka akan menaikkan lagi kadar faedah pada September depan, Aimi Zulhazmi berkata, kemungkinan besar Bank Negara Malaysia (BNM) tidak akan mengambil langkah yang sama tahun ini untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR).

"BNM pastinya menyokong perkembangan ekonomi domestik yang dijangka menentang ekonomi negara tahun ini, apabila pertumbuhan eksport negara dijangka terus sederhana bagi separuh kedua 2023 berikutan kelembapan ekonomi AS, negara-negara Eropah, United Kingdom dan China.

"Kemerostan eksport China yang berterusan memberi kesan langsung kepada sektor pem-

buatan negara kerana kedudukan kita dalam rantaian bekalan global itu sendiri. Pengurangan permintaan negara-negara maju dari China turut mengurangkan permintaan barangan buatan kita yang dieksport ke China," ujarnya.

"Selain itu, beliau menambah, ekonomi domestik negara dijangka akan bergantung kepada industri pelancongan dengan menasarkannya 16 juta pelancong tahun ini, sebahagian besarnya dari China.

"Pastinya dasar fiskal kerajaan turut membantu menjana ekonomi domestik dan diselaraskan oleh dasar monetar BNM bagi menentukan inflasi terkawal dalam usaha menjana ekonomi domestik supaya terus berkembang," katanya.

